



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PELAPORAN BERITA MANDARIN RTM BERKAITAN SERANGAN UDARA ISRAEL TERHADAP PALESTIN

Susulan penularan perkongsian di laman sosial tentang penggunaan istilah yang merujuk kepada kumpulan Hamas dalam pelaporan berita berbahasa Mandarin oleh TV2, RTM berkaitan Serangan Udara Israel terhadap Palestin pada 12 Mei 2021, saya telah segera mengarahkan siasatan dan tindakan lanjut telah diambil oleh pihak pengurusan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) seperti berikut:

- Editor Meja Mandarin dan Ketua Editor Berita Mandarin yang terlibat telah dipanggil untuk memberikan penjelasan dan laporan lengkap. Pegawai terlibat juga telah dikenakan Surat Tunjuk Sebab (STS) dan siasatan lanjut sedang dilaksanakan oleh pihak pengurusan.
- Permohonan maaf secara terbuka dalam siaran berita untuk pembetulan telah disiarkan dalam Berita Tengah Hari pada pukul 1.00 tengah hari dan Berita Mandarin pada pukul 7.00 malam, hari yang sama iaitu 12 Mei 2021.
- Seksyen Berita Hal Ehwal Semasa telah diminta mengkaji semula Prosedur Operasi Standard (SOP) tugas Bilik Berita, khususnya dalam penyuntingan dan penerbitan berita TV untuk memastikan kesilapan serupa tidak berulang di masa hadapan.

RTM peka tentang situasi yang berlaku dan sentiasa teguh menyokong pendirian Malaysia dan aspirasi rakyat berhubung konflik yang melanda dan mendukung kedaulatan serta kebebasan Palestin. RTM akan terus berusaha dalam menambahbaik kualiti penyampaian berita dari semasa ke semasa.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

13 MEI 2021